

u.m 4/10/06

4 kes jambatan runtuh di Papar

PAPAR 3 Jun - Runtuhan jambatan yang menghubungkan Sungai Mandahan di Jalan Papar - Kimanis, semalam dipercayai kejadian keempat berlaku di daerah ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Bangowan, Datuk Karim Bujang berkata, sekiranya pihak berkaitan mengambil pengajaran daripada tiga kejadian sebelum ini, mungkin tragedi menyebabkan dua anak beranak terbunuh serta seorang lagi masih hilang tidak berlaku.

"Sepanjang pengetahuan saya kes jambatan dihakis air di kawasan ini telah tiga kali berlaku dan dilaporkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran termasuk satu kes di Kampung Nyaris-Nyaris yang berdekatan.

"Mungkin juga kerana tiga kes sebelum ini di kawasan jalan kampung biasa, tidak menyebabkan kematian menjadikan ia tidak diberi perhatian sewajarnya tetapi apabila berlaku tragedi seperti pagi semalam, ia cukup menyedihkan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kejadian Hussein Masr, 51, dan anaknya, Razali, 24, terbunuh selepas kereta yang dinaiki terjatuh ke dalam Sungai Mandahan apabila jambatan

itu tiba-tiba runtuh.

Dalam kejadian itu, pelajar Universiti Malaysia Sabah, Zulhairi Abdul Rahman, 22, masih hilang apabila terjatuh ke dalam sungai itu selepas motosikal yang ditunggangnya hilang kawalan ketika melalui jambatan kereta api berhampiran tempat kejadian sebagai laluan alternatif ke Bangowan.

Kejadian berlaku apabila sampah dan longgokan kayu tersekat di bawah jambatan menyebabkan arus menghakis bahagian tepinya menjadikan strukturnya rosak.

Beliau berkata, berikutan kejadian itu juga jambatan tersebut dipercayai tidak mampu bertahan lama meskipun telah ditambah semula kerana terowong konkrit di bahagian tengahnya kelihatan mendap ke bawah.

"Tinjauan saya mendapati tanah di kawasan terowong itu tidak stabil kerana berpasir dan mungkin berlaku pergerakan tanah. Ia memerlukan tindakan lanjut bagi menjamin keselamatan orang ramai," katanya.

Beliau berkata, arus sungai itu kadang kala deras kerana hujan di bahagian hulu dan sering membawa pelbagai kayu-kayu dan buluh hanyut.